

Faktor Pengaruh Resiliensi Mangsa Banjir: Kajian Kes di Kelantan

(*Factors Influencing Resilience of Flood Victims: A Case Study in Kelantan*)

Noremy Md. Akhir *¹

On Kan Soh²

Nur Hafizah Md. Akhir³

¹*Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia*

²*Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia*

³*Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia*

*Corresponding e-mail: [noremy@ukm.edu.my]

The massive flood occurred in December 2014 in Kelantan was an unexpected disaster that has affected not only on physical destruction but leaving flood victims with psychological problems. However, previous studies have concluded that resiliency is a crucial element that can protect the victims from experiencing severe psychological problems effect from disasters. Therefore, this study was conducted to explore the factors influencing resiliency of flood victims who suffered property total loss as a result of the disaster. A total of 28 flood victims were selected for in-depth interviews, five months after the floods occurred. Qualitative approach using case study as a research design is used to carry out this study. Informants were selected based on purposive sampling using inclusive criteria. Two face-to-face interview sessions were conducted to all informants separately. The data were collected within three months from May to July 2015. The collected data were transcribed and analyzed using thematic analysis. The findings reported that there are five factors influence on informants' resilience, which include self-efficacy, coping strategies, sense of community, community leaders and social support. It was found that informants with high resiliency were able to perform self-recovery, while informants with low-resiliency are suggested to undergo for relevant intervention programs including empowerment of self-help support at individual level, building collective capacity at community level, strengthening community leaders to provide holistic social support, which as will lead to help improve the physical and psychosocial wellbeing of flood victims.

Keywords: disaster, flood victims, psychological issues, resilience, factor of resiliency

Malaysia terletak di luar lingkaran Api Pasifik dan ini menyebabkan negara kita bebas daripada kemusnahan dan kerosakan teruk akibat bencana alam seperti gunung berapi, gempa bumi dan ribut taufan. Sungguhpun begitu, Jabatan Meteorologi

Malaysia (JMM) melaporkan hampir setiap tahun banjir berlaku akibat hujan lebat yang turun antara November hingga Mac (Wan Hassan, Subramaniam & Yap, 2012). Malah menurut Wan Nik (2015), negeri Kelantan akan mengalami banjir

hampir setiap tahun disebabkan oleh faktor cuaca di mana berlaku peralihan Angin Monsun Timur Laut dan turut dipengaruhi oleh bentuk muka bumi negeri Kelantan itu sendiri. Namun, kejadian banjir yang berlaku pada Disember 2014 di Kelantan adalah di luar jangkaan hingga diisyiharkan sebagai banjir terbesar dan terburuk di negeri tersebut pada ketika itu.

Berdasarkan catatan e-Banjir negeri Kelantan, hujan lebat turun tanpa henti di Gunung Gagau (Gua Musang) hingga mencatatkan taburan hujan tertinggi untuk tiga hari berturut-turut dengan bacaan sebanyak 1295mm pada 21 sehingga 23 Disember 2014. Malah dilaporkan jumlah taburan hujan selama tiga hari tersebut adalah bersamaan dengan jumlah hujan untuk 64 hari di mana 400mm bersamaan dengan 20 hari hujan. Hal ini telah menyebabkan Kelantan mengalami banjir yang luar biasa bermula daripada Gua Musang, diikuti Kuala Krai dan Tanah Merah, Tumpat dan Kota Baharu (Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan, 2015).

Peristiwa bencana banjir Disember 2014 telah menyebabkan hampir kesemua daerah di Kelantan terjejas teruk di mana lebih 120,000 orang mangsa banjir telah dipindahkan ke pusat pemindahan. Turut dilaporkan seramai 11 orang mangsa terkorban dan 2374 rumah telah rosak dan musnah sepenuhnya serta kerosakan aset dan infrastruktur kerajaan. Kesan daripada bencana tersebut, kerajaan terpaksa menanggung kerosakan dan kerugian yang dianggarkan melebihi 1 bilion Ringgit Malaysia (Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, 2015).

Selain kehilangan harta benda secara fizikal, mangsa banjir turut berhadapan dengan isu psikologikal akibat bencana yang berlaku (Norizan, 2016; Noremy, Nur Saadah & Nor Jana, 2019a). Fakta dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendapati 14, 995 orang kanak-kanak dan

289 orang dewasa telah di kesan mengalami masalah kemurungan dan trauma kesan daripada bencana banjir yang berlaku (Rohani, 2015).

Dalam kejadian banjir tersebut, kebanyakan kes post trauma seperti kejutan mental telah di kesan berlaku terutamanya dalam kalangan mangsa banjir yang mengalami kemusnahan harta benda secara total (Sikh, 2015). Kesan psikologi yang dialami telah mengundang kepada ketegangan emosi dan tekanan kepada mangsa banjir hingga mengakibatkan mereka mengalami kemerosotan dari segi keupayaan fizikal malah mereka juga tidak berdaya dari segi kekuatan mental dan emosi (Noremy, Mohammad Rahim, Aizan Sofia, Rusyda Helma & Nur Hafizah, 2019b)

Walau bagaimanapun, berdasarkan tinjauan kajian terdahulu mendapati elemen resilien dapat mengurangkan mangsa bencana daripada terdedah kepada masalah psikologikal yang membimbangkan (Maruzairi, Mohd Zawari & Wan Nor Arifin, 2015; Rosnah, Ferlis, Jasmine, Shuhairimi, Mohd Kasturi, Adila, & Siti Zaleha, 2015). Resilien adalah keupayaan individu untuk melakukan penyesuaian serta kemampuan diri untuk pulih daripada situasi krisis seperti bencana yang mengganggu kefungsian hidupnya (Pfefferbaum, 2013). Dalam konteks kajian ini, resilien didefinisikan sebagai keupayaan dan kemampuan mangsa banjir yang ditimpa bencana banjir untuk bangkit dan pulih bagi mengembalikan kefungsian sosial yang terjejas akibat bencana banjir yang berlaku. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi resilien mangsa banjir untuk bangkit dan pulih selepas bencana banjir.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kajian kes sebagai reka bentuk kajian.

Penyelidikan kualitatif cenderung untuk menghasilkan data yang kompleks dan padat dengan informasi namun ia perlu di tafsir berdasarkan pemahaman teori dari kajian literatur yang perlu dilakukan oleh pengkaji di peringkat awal kajian (Siti Uzairiah, 2017). Kaedah kualitatif memberi penumpuan kepada penerangan dan pemahaman yang mendalam serta jelas terhadap suatu isu yang dikaji. Ia juga bukan berdasarkan ukuran atau pengiraan secara bernombor. Manakala reka bentuk kajian kes pula melibatkan pengumpulan maklumat secara mendalam dan sistematik terhadap tingkah laku individu (Norizan, 2016). Dalam kajian yang dijalankan ini, ia merujuk kepada mangsa banjir yang mengalami kehilangan harta benda secara total. Menurut Norizan lagi, reka bentuk kajian kes adalah melibatkan keadaan sosial atau peristiwa khusus yang memerlukan pengkaji untuk mengetahui sesuatu perubahan sosial atau tingkah laku itu berlaku. Dalam kajian ini, ia merujuk kepada peristiwa banjir yang berlaku pada Disember 2014 di Kelantan hingga menyebabkan mangsa banjir telah mengalami kehilangan dan kemusnahan harta benda secara total. Oleh itu, kajian kes dilihat bersesuaian sebagai reka bentuk bagi kajian yang dijalankan.

Selain itu, pemilihan informan adalah berdasarkan persampelan bertujuan dan pengkaji menggunakan teknik pengumpulan data secara temu bual bersemuka dengan mangsa banjir. Seramai 28 orang informan telah dipilih secara bertujuan dengan menggunakan kriteria inklusif sepertimana yang ditetapkan oleh pengkaji. Kriteria inklusif adalah syarat utama bagi melayakkan seseorang itu dipilih sebagai informan kajian (Zainuddin, 2012). Berikut adalah kriteria inklusif yang telah ditetapkan dalam pemilihan sampel secara bertujuan:

Kriteria inklusif:

(i) Mangsa banjir yang mempunyai pengalaman terlibat dalam bencana banjir

Disember 2014 di Kuala Krai dan Gua Musang, Kelantan;

- (ii) Mangsa banjir yang mengalami kehilangan rumah dan harta benda secara total;
- (iii) Berumur 18 tahun ke atas;
- (iv) Tidak mempunyai masalah kesihatan mental;
- (v) Seorang warganegara Malaysia.

Jumlah pemilihan sampel dihentikan pada bilangan informan ke 28 apabila data telah mencapai tahap ketepuan. Lokasi kajian hanya melibatkan daerah/jajahan Kuala Krai dan Gua Musang sahaja memandangkan dua daerah tersebut terjejas teruk akibat banjir dan mempunyai bilangan mangsa banjir yang kehilangan harta benda tertinggi di Kelantan.

Sepanjang pengumpulan data pengkaji menjalankan temu bual secara mendalam dan bersemuka sebanyak dua sesi bagi setiap informan. Setiap sesi pertemuan telah mengambil masa antara 60 hingga 90 minit. Pengkaji turut menggunakan panduan soalan berbentuk semi struktur. Data yang diperoleh seterusnya dianalisis menggunakan tematik analisis. Merujuk Braun dan Clarke (2006), tematik analisis meliputi lima proses utama yang perlu dilakukan oleh pengkaji iaitu membiasakan diri dengan data, menghasilkan kod awal, mencari tema, mengkaji tema dan peringkat terakhir mentakrif dan menamakan semula tema yang terhasil.

Demografi Informan

Kajian ini melibatkan 28 orang mangsa bencana banjir yang musnah harta benda secara total akibat banjir Disember 2014 di Kelantan. Terdapat 12 orang informan lelaki dan 16 informan perempuan telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Majoriti informan yang terlibat dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu iaitu seramai 26 orang diikuti dengan informan berbangsa Cina seramai dua orang. Umur

informan yang terlibat dalam kajian ini adalah antara lingkungan 24 hingga 91 tahun. Selain daripada itu, majoriti informan mempunyai status sudah berkahwin iaitu seramai 20 orang. Manakala empat orang informan mempunyai status bercerai dan tiga orang informan telah kematian pasangan. Hanya seorang informan sahaja yang mempunyai status tidak berkahwin. Majoriti daripada informan adalah merupakan penduduk setinggan yang membina rumah di rizab sungai, rizab kereta api, rizab tanah kerajaan dan ada juga yang membina rumah di atas tanah yang disewa dari individu perseorangan.

Dapatan kajian dan perbincangan

Hasil daripada kajian yang dijalankan mendapati terdapat lima faktor yang mempengaruhi resiliensi mangsa banjir iaitu faktor kecekapan kendiri, strategi daya tindak yang digunakan oleh informan, ciri semangat kemasyarakatan yang wujud di penempatan yang didiami, sokongan sosial yang disediakan kepada informan dan ciri pemimpin komuniti. Setiap faktor yang mempengaruhi resiliensi informan dibincangkan seperti berikut:

Kecekapan kendiri

Daripada kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati ciri kecekapan kendiri yang ditunjukkan oleh informan telah mempengaruhi resiliensi mereka. Karademas (2006) menyatakan kecekapan kendiri adalah bagaimana seseorang individu boleh bertindak dengan cara yang tertentu untuk penuhi matlamat atau tangani situasi yang tertekan.

Pengkaji mendapati ciri kecekapan kendiri yang ditunjukkan oleh informan adalah berbeza namun majoriti informan menunjukkan ciri kecekapan kendiri seperti optimistik dan bermotivasi dalam

menyelesaikan masalah yang dihadapi walaupun hidup dalam serba kekurangan. Informan yang mempunyai ciri kecekapan ini dilihat telah mempengaruhi resilien mereka untuk segera pulih selepas bencana banjir yang berlaku.

Informan ke-5 mengakui pada peringkat awal beliau terlalu sedih dengan kehilangan yang dialami namun mampu mengawal kesedihan dengan meneruskan kehidupannya. Informan mengakui cepat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru dan berjaya mengatasi kesedihan, kesulitan dan kepayahan hidup yang dilalui. Informan mempunyai kebolehan dalam mengawal emosi dan pemikiran yang terganggu.

“..pada mulanya memang saya sedih dan serabut tapi saya cepat cari jalan keluar .. tak guna sebenarnya kalau kita biarkan diri kita bersedih terlalu lama.. kena bersedia terima apa yang dah berlaku... kena cepat-cepat bangun dari kesedihan...” (Informan 5)

Kajian terdahulu membuktikan bahawa individu yang mempunyai kecekapan kendiri yang tinggi, akan mencapai kesejahteraan hidup dan penyesuaian yang lebih baik serta mampu melalui fasa pemulihan dengan cepat (Bisschop et al., 2004; Kuijer & De Ridder, 2003).

Begini juga dengan informan ke-16 yang merupakan seorang pengusaha kantin sekolah yang mengakui mengalami kerugian yang teruk sewaktu banjir besar. Namun, beliau tidak berputus asa sebaliknya berusaha dengan menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi menampung kehidupan selepas banjir. Informan percaya, semangat dan usaha yang berterusan akan membawa hasil dan pada masa yang sama mengelak daripada terlalu memikirkan masalah yang dihadapi.

“ Saya memang rugi besar banjir baru ni, habis semua barang-barang di kantin sekolah tapi benda tu tak buat saya patah semangat. Hidup mesti diteruskan..jadi

sekarang saya bermiaga kecil-kecilan untuk tampung kehidupan selepas banjir..”
 (Informan 16)

Apa yang penting bagi informan adalah optimis mencari jalan bagi meneruskan kehidupan selepas banjir. Menurut Symister dan Friend (2003), optimis dikaitkan dengan kecekapan kendiri yang positif. Ia juga berkait rapat dengan kesejahteraan dan kesihatan fizikal dan psikologikal individu. Kebanyakan informan yang terlibat dalam kajian ini adalah penduduk setinggan yang mempunyai pengalaman hidup yang susah. Ternyata tahap ‘survival’ dan faktor kecekapan kendiri yang tinggi telah menyebabkan mereka mampu meneruskan kehidupan walaupun hidup dalam keadaan serba kekurangan.

Namun begitu, minoriti informan menunjukkan ciri kecekapan kendiri seperti enggan berusaha kerana percaya dirinya tidak mampu mengubah nasib yang dialami dan sering mempersoalkan keupayaan diri dan sentiasa berputus asa serta sering kebimbangan dan kemurungan apabila memikirkan nasib yang dialami.

Informan pertama misalnya sering merungut dan mempertikaikan mengapa beliau masih tidak menerima bantuan dengan alasan beliau sudah tua dan hidup dalam kesusahan. Informan sering mengatakan tidak mampu berbuat apa-apa dalam keadaan dirinya sebagai mangsa banjir. Beliau sering mengadu hidup dalam kebimbangan dan takut dengan masa depan yang bakal ditempuhi.

“ Makcik ni dah tua, hidup susah pulak tu, memang patut pun kerajaan bantu makcik ni.. makcik kan mangsa banjir, dah tak mampu untuk buat apa-apa lagi. Rasa susah hidup begini dan rasa takut bila fikir masa depan..”
 (Informan 1)

Begitu juga dengan informan ke-15 yang mengakui sering berasa sedih dan sering

teringatkan rumahnya yang musnah akibat banjir yang berlaku. Informan mengaku putus harapan, sering tertekan dan tidak tahu bagaimana untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

“ Saya selalu teringatkan rumah saya yang musnah akibat banjir tu..sedih sangat rasanya.. memang susah nak terima apa yang dah berlaku ni.. saya rasa putus asa, stress dan takt ahu macam mana nak selesaikan masalah saya ni..”

(Informan 15)

Ini menyebabkan informan mengalami kemerosotan dari segi kesihatan mental kesan daripada banjir yang berlaku. Ini selari dengan kajian terdahulu yang menyatakan kecekapan kendiri yang rendah sering dikaitkan dengan masalah kebimbangan dan kemurungan (Faure & Loxton, 2003; Kashdan & Roberts, 2004).

Dalam situasi krisis seperti bencana banjir, elemen kecekapan kendiri amat penting dalam melahirkan sebuah masyarakat yang resilien. Perkembangan resilien adalah digalakkan berbanding sikap kebergantungan dan putus asa sepanjang masa. Malah dalam Teori Pembangunan Komuniti Resilien (Paton, 2005), setiap individu itu adalah sumber kepada komuniti. Ia merangkumi pengetahuan, kemahiran, komitmen dan kecekapan kendiri yang juga merupakan faktor kepada perkembangan keupayaan kolektif yang mampu menggalakkan pembinaan resilien dalam sesebuah komuniti mangsa banjir.

Strategi daya tindak

Strategi daya tindak adalah tindakan khusus yang dilakukan oleh mangsa bencana sama ada dalam bentuk pemikiran (kognitif) maupun tingkah laku secara sedar maupun tidak dengan tujuan untuk mengurangkan atau menghilangkan situasi tekanan yang terhasil daripada interaksi

mangsa dengan sistem persekitarannya (Chaplin, 2004).

Daripada kajian yang dijalankan mendapati majoriti informan tidak menggunakan strategi daya tindak yang berkesan sehingga kan mereka gagal untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dan menyebabkan mereka mempunyai tahap kebergantungan yang tinggi terutamanya dalam mendapatkan bantuan rumah dan kewangan selepas banjir. Kebanyakan informan menggunakan daya tindak maladaptif iaitu hanya mengharapkan bantuan tanpa meletakkan sebarang usaha bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Menurut informan 20, beliau mengaku bagi mengelakkan rasa tertekan di atas kehilangan yang dialami, beliau mengelakkan diri daripada melakukan apa sahaja termsuklah seperti tidak pulang ke tapak asal rumah untuk tujuan membersihkan kawasan rumah tersebut sebaliknya membuat keputusan untuk tinggal di penempatan sementara yang disediakan. Malah informan turut mengakui tidak pernah terfikir untuk mencari penempatan lain atau pekerjaan lain kerana terlalu sedih dengan apa yang berlaku dan mengambil keputusan untuk terus tinggal di penempatan sementara sambil menunggu bantuan rumah kekal tanpa sebarang usaha dari informan sendiri.

“..Saya malas nak buat apa-apa dah, biar ja.. rumah saya yang rosak sebab banjir tu pun saya tak pergi tengok.. malas nak peduli dah .. duduk sini ja (Perkampungan Mercy Transit, Kuala Krai). Jujurnya saya tak terfikir untuk cari rumah atau tempat lain..duduk ja lah di sini sampai dapat bantuan rumah baru dari kerajaan..”

(Informan 20)

Begini juga dengan informan 12 yang mengatakan akibat terlalu tertekan dengan kerugian dalam perniagaan yang dialami kesan daripada banjir yang berlaku, informan mengaku tidak mampu untuk mencari pekerjaan lain kerana terlalu

sedih. Selepas banjir beliau mengaku lebih cenderung untuk mengasingkan diri serta mengelak daripada berjumpa dengan sesiapa kerana malu, sedih dan kecewa dengan nasib yang menimpa dirinya.

“ ..Saya rugi banyak masa banjir baru ni.. Memang sedih sampai saya tak mampu nak buat apa-apa dah..sakit benar rasanya.. Jadi sekarang saya memang tak cari kerja lain lagi, saya duduk rumah sorang-sorang.. Malas nak keluar.. tak nak jumpa orang sebab saya rasa malu...”

(Informan 12)

Daya tindak jenis ini adalah tidak produktif malah berpotensi untuk berlaku ketidakfungsian sosial kepada mangsa banjir. Menurut Carver, Scheier dan Weintraub (1989), tingkah laku maladaptif adalah menghalang keupayaan individu untuk menyesuaikan diri dengan keadaan tertentu dan menghalang individu daripada mengatasi tekanan kehidupan dengan baik. Ini kerana mereka yang menggunakan daya tindak jenis ini tidak membantu individu untuk mengatasi tekanan yang dihadapi dalam jangka masa yang panjang. Ia juga dikatakan sebagai tingkah laku yang tidak produktif kerana individu sebenarnya tidak melakukan apa-apa bagi mengurangkan tekanan atau masalah yang dihadapi dan jelas ini menunjukkan resiliensi yang rendah.

Sungguhpun begitu, sebahagian kecil informan menggunakan daya tindak berasaskan pendekatan agama secara positif di mana ia dilihat mempengaruhi resiliensi informan untuk bangkit dan pulih selepas banjir. Misalnya informan ke-7 dan informan ke-11 menerima kejadian banjir yang berlaku sebagai ketentuan dari Allah S.W.T. dan mengambil keputusan untuk redha dan meneruskan kehidupannya kerana yakin pasti ada hikmah disebalik banjir besar yang berlaku.

“ Kalau kak sedih, kak akan berdoa dan mohon ketenangan dari Allah. Kak yakin

kalua kita jaga hubungan kita dengan Allah, pasti Dia akan bantu dan beri ketenangan pada kita..” (Informan 7)

“Kak redha.. kita tak boleh nak tolak ketentuan Allah. Kak yakin pasti ada hikmah disebalik apa yang berlaku.. kita sebagai hamba kena terima dengan redha.. kak kena kuat untuk teruskan kehidupan ini dan yakin pada Allah.. insyaAllah pasti Dia bantu..”

(Informan 11)

Dengan menggunakan strategi daya tindak yang berkesan, ia membolehkan individu menyelesaikan masalah, mengawal tekanan emosi dengan baik dan seterusnya memandu individu ke arah pencapaian matlamat dalam mengatasi sesuatu krisis yang dihadapi (Brown, Westbrook & Challagalla, 2005) dan seterusnya meningkatkan resiliensi seseorang individu. Malah dalam Teori Pembangunan Komuniti Resilien (Paton, 2005) turut menekankan bahawa individu adalah digalakkan untuk membina kemahiran daya tindak yang berkesan bagi meningkatkan resiliensi sesebuah komuniti. Oleh itu, strategi daya tindak adalah dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi resiliensi mangsa banjir untuk bangkit dan pulih selepas banjir.

Ciri semangat kemasyarakatan

Seterusnya faktor ketiga yang pengaruh resiliensi informan untuk bangkit selepas banjir adalah ciri semangat kemasyarakatan yang wujud di penempatan yang didiami. Hasil kajian mendapat terdapat dua jenis penempatan yang didiami oleh informan selepas banjir iaitu di penempatan sementara yang disediakan dan penempatan di tapak asal rumah milik informan. Kedua-dua jenis penempatan ini mempunyai ciri semangat kemasyarakatan yang berbeza.

Hasil kajian mendapat informan yang tinggal di tapak asal rumah mempunyai resiliensi yang lebih baik berbanding

informan yang tinggal di penempatan sementara. Informan yang tinggal di tapak asal rumah menunjukkan ciri semangat kemasyarakatan seperti rasa seronok tinggal di tapak asal rumah kerana sikap jiran yang sentiasa mengambil berat dan saling bantu membantu. Ini dinyatakan sendiri oleh informan ke-6 seperti berikut.

“Saya suka duduk di sini (tapak asal rumah) berbanding penempatan sementara yang disediakan.. sebab kat sini walaupun hidup serba kekurangan tapi ada jiran yang ambil berat tentang saya dan keluarga dan kita memang saling bantu membantu kat sini.”

(Informan 6)

Terdapat informan yang mengakui mempunyai rasa pemilikan yang tinggi kerana sudah menetap di kawasan tersebut dalam tempoh masa yang lama malah ada juga yang punyai hubungan pertalian kekeluargaan. Ini dinyatakan oleh informan ke-8 di mana hampir semua yang tinggal di kawasan rumahnya adalah terdiri daripada keluarga dan saudara maranya.

“Lima rumah di sekitar kawasan ni adalah saudara mara saya jugak.. tu yang rasa selamat duduk sini. Kalau duduk di PLKN (penempatan sementara) tu, tak kenal siapa-siapa.. jadi duduk di sini (tapak asal rumah) kita rasa susah senang bersama-sama. Jadi kita rasa kuat bersama-sama..”

(Informan 8)

Sebaliknya mereka yang tinggal dipenempatan sementara menunjukkan semangat kemasyarakatan seperti cenderung untuk mengasingkan diri dan sukar berkongsi perasaan dengan mangsa banjir yang lain kerana mereka dating dari pelbagai kampung di sekitar kawasan tersebut. Ini dinyatakan sendiri oleh informan 1 seperti berikut.

“Makcik takut nak bercerita masalah dan perasaan makcik dengan orang

sebarang di sini sebab kita yang duduk di sini (penempatan sementara) tak kenal pun satu sama lain.. masing-masing datang dari kampung yang berbeza. Jadi makcik lebih selesa duduk di khemah jer..”
(Informan 1)

Manakala bagi informan 18, beliau mengakui selepas banjir memandangkan keperluan yang disediakan di penempatan sementara adalah terhad jadi kebanyakan mangsa banjir akan menunjukkan sikap pentingkan diri dan sentiasa tidak berpuas hati sehingga tidak bertegur sapa. Sikap sedemikian akan menyukarkan informan untuk bangkit bersama membina kehidupan baru selepas banjir. Malah ada yang tidak berminat untuk terlibat dalam aktiviti yang dijalankan dimana informan lebih selesa tinggal di dalam khemah berbanding mengikuti aktiviti yang dijalankan untuk mangsa banjir yang tinggal di penempatan sementara sepetimana yang dinyatakan oleh informan 18.

“ Lepas banjir memang akak duduk di khemah yang disediakan.. tapi bila duduk ramai-ramai tu biasalah macam-macam perangai..kadang-kadang sebab benda kecil pun sampai bermasam muka, maklumlah bantuan terhad jadi semua orang pentingkan diri.. ada juga orang luar datang sini (khemah transit) buat program tadi kak tak pergi pun, duduk kat khemah jer..”

(Informan 18)

Hasil kajian mendapati informan yang tinggal di tapak asal dilihat lebih cepat pulih dan bangkit selepas banjir di mana informan dapat meneruskan rutin harian tanpa bantuan pihak luar walaupun tinggal dalam keadaan serba kekurangan. Ini disebabkan oleh informan mempunyai rasa pemilikan yang tinggi terhadap penempatan yang didiami serta mempunyai hubungan pertalian yang kuat di antara satu sama lain yang tinggal di kawasan tersebut. Hal ini memperkuatkan

lagi hubungan dan menyebabkan mereka yang tinggal di tapak asal rumah mempunyai resiliensi yang lebih baik berbanding informan yang tinggal di penempatan sementara yang terdiri daripada mangsa banjir yang datang dari pelbagai kampung dan mempunyai latar belakang yang berbeza.

Menurut Brown, Perkins dan Brown (2003), semangat kemasyarakatan memainkan peranan yang penting dalam usaha pemulihan komuniti terutamanya selepas sesuatu bencana yang berlaku. Namun, apabila rasa kepunyaan dan ketergantungan di antara ahli sukar dibentuk disebabkan tidak mengenali antara satu sama lain atau menetap dalam tempoh yang singkat di sesebuah penempatan menyebabkan mangsa bencana tidak berupaya untuk memperbaiki kawasan penempatan mereka dan tidak berupaya untuk bekerja dengan ahli-ahli komuniti dan agensi tempatan untuk memperbaiki keseluruhan penempatan mereka.

Malah Brown et al. (2003) turut menyatakan aspek semangat kemasyarakatan dan hubungan psikologi antara ahli komuniti, sebenarnya memberikan sumbangan yang kritikal dalam usaha membangunkan sesebuah komuniti selepas bencana secara efektif dan ianya memerlukan tindakan yang kolektif daripada ahli komuniti yang dianggap sebagai sumber kepada komuniti itu sendiri.

Walau bagaimanapun, jika ahli gagal berkongsi emosi, keperluan dan matlamat yang sama atau gagal untuk saling melengkapi antara satu sama lain maka ia akan mengundang masalah dalam usaha membangunkan sesebuah penempatan kerana perkongsian dan perhubungan emosi antara ahli adalah teras dalam pemulihan komuniti selepas bencana (Perkins & Long, 2002). Malah menurut Berkman et al. (2000), tingkah laku yang

berorientasikan sosial (penyertaan) dan rasa kepunyaan telah meningkatkan kesejahteraan sosial selain kesejahteraan psikologi dan emosi ahli komuniti. Ia turut meningkatkan resiliensi masyarakat secara kolektif dalam menghadapi situasi krisis selepas bencana dan seterusnya dapat membantu mereka dalam meneruskan kehidupan dengan lebih baik.

Sokongan sosial

Seterusnya sokongan sosial yang disediakan kepada informan diakui mempengaruhi informan untuk bangkit dan pulih selepas banjir. Menurut informan sokongan sosial yang disediakan kepada mereka telah membantu mangsa banjir untuk lebih resilien dalam membina kehidupan baru selepas banjir. Antara bentuk sokongan yang dinyatakan dan diperlukan oleh informan adalah sokongan nyata, sokongan perhubungan dan pertalian sosial, sokongan informasi dan maklumat serta sokongan emosi. Sungguhpun begitu, hasil kajian mendapati hanya sokongan nyata dan sokongan perhubungan serta pertalian sosial sahaja yang diakui oleh majoriti informan sebagai wujud namun perlu ditambah baik selaras dengan keperluan mereka.

“ Setakat ini, alhamdullila.. sini dari segi bantuan makanan dan barang keperluan hidup tak ada masalah.. Masa mula-mula banjir tu pun mujur lah kakak saya ada, dia tumpangkan saya dan keluarga di rumah dia sementara nak dapat rumah transit ni.. adik-beradik yang lain pun ada bantu dan beri semangat.. dari situ lah saya dapat semangat dan kekuatan..” (Informan 22)

Sokongan nyata yang diterima oleh informan termasuklah bantuan seperti makanan, barang, peralatan dan keperluan hidup. Seterusnya informan juga mengakui menerima sokongan berbentuk perhubungan dan pertalian sosial iaitu rasa kebersamaan yang ditunjukkan oleh ahli

keluarga dalam bersama-sama menyokong beliau untuk bangkit selepas banjir. Menurut Malecki dan Demaray (2002), sokongan sosial dilihat sebagai sokongan umum atau sokongan tingkah laku daripada rangkaian sosial bagi meningkatkan kefungsian ahli yang terjejas akibat situasi buruk seperti bencana. Sokongan sosial yang diberikan dapat meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan sosial serta meningkatkan resiliensi individu (Mendelson, Catano, & Kelloway, 2000; Peeters & LeBlanc, 2001).

Sebaliknya sokongan informasi dan maklumat serta sokongan emosi daripada agensi atau profesional adalah sangat minima namun amat diharapkan oleh informan untuk bantu mereka bangkit dan pulih selepas banjir.

“ Kak rasa mangsa banjir macam kak ni memang harap sangat sokongan emosi dalam keadaan hilang segala-galanya.. Kalau lah ada sesiapa yang datang beri sokongan emosi pada kami ni memang elok sangat lah ..”

(Informan 11)

Sokongan emosi merupakan antara sokongan yang amat diperlukan oleh informan untuk bangkit meneruskan kehidupan selepas banjir. Sokongan emosi yang dimaksudkan adalah seperti empati dan sokongan terhadap masalah psikologikal yang dihadapi oleh informan terutamanya dengan membantu informan meningkatkan semangat untuk membina kehidupan baru selepas banjir. Menurut Burleson dan MacGeorge (2002), sokongan emosi merangkumi ungkapan berbentuk komunikasi bagi menunjukkan keprihatinan dan galakan yang bertujuan untuk menyokong seseorang untuk bangkit selepas melalui situasi yang tidak menyenangkan. Malah sokongan emosi diterima sering dikaitkan dengan tahap kesejahteraan dan kesihatan hidup yang lebih baik. Sokongan emosi juga berfungsi

untuk meredakan kesusahan dan kebimbangan yang dialami dengan menggalakkan penerimaan sokongan (Priem & Solomon, 2014).

Selain daripada tiga sokongan yang dinyatakan, hasil kajian turut mendapati informan amat mengharapkan sokongan informasi dan maklumat seperti khidmat nasihat, cadangan dan maklumat yang berguna agar dapat membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi terutamanya berkaitan isu bantuan rumah kekal dan bantuan pemulihan ekonomi sepetimana yang dinyatakan oleh informan 13.

“ Kami mangsa banjir memang perlukan maklumat yang sahih tentang bantuan rumah dan bantuan lain berkaitan dengan mangsa banjir.. saya rasa kerajaan perlu pertimbangkan macam mana nak salurkan maklumat yang tepat dan pastikan maklumat tu sampai kepada kami mangsa banjir ni..” (Informan 13)

Kajian terdahulu membuktikan sokongan maklumat berbentuk penjelasan dan penerangan dapat membantu individu mengatasi masalah yang dihadapi (Gelbrich, 2010). Malah Bailey et al., (2010) turut menyatakan sokongan maklumat yang diterima oleh individu sebenarnya mempunyai potensi yang tinggi untuk mengurangkan kebimbangan dan tekanan psikologi dalam menangani masalah yang dihadapi. Oleh itu, informan turut mencadangkan agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan kaedah terbaik dalam menyediakan dan menyalurkan maklumat yang berkaitan kepada mangsa banjir di samping memastikan maklumat tersebut sampai kepada mereka yang memerlukan. Sekiranya sumber maklumat yang khusus berkaitan bantuan rumah mahupun khidmat nasihat dalam pemulihan ekonomi benar-benar disediakan, pasti mangsa banjir akan dapat membina kehidupan baru selepas banjir dengan lebih baik.

Ciri Pemimpin Komuniti

Hasil kajian turut mendapati ciri pemimpin komuniti dalam sesuatu penempatan juga mempengaruhi resiliensi mangsa banjir untuk bangkit selepas bencana banjir. Menurut informan 1, beliau kurang selesa dengan sikap wakil pemimpin di tempatnya yang besikap pilih kasih dalam memberikan bantuan kepada mangsa banjir. Bantuan diberikan berdasarkan sentimen parti politik. Menurut informan lagi, pemimpin komuniti tidak sewajarnya berpolitik sebaliknya kebajikan mangsa banjir harus diutamakan. Sikap dan tindakan pemimpin tersebut telah mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan mangsa banjir.

“ Ketua komuniti ditempat makcik ni tidak adil kepada mangsa banjir.. dia hanya beri bantuan kepada mereka yang menyokong parti politiknya sahaja.. yang tidak sokongnya tidak akan diberikan bantuan.. sebagai pemimpin dia tak boleh buat macam tu.. kena utamakan kebajikan kami.. sekarang bukan masanya untuk berpolitik.” (Informan 1)

Begitu juga dengan informan ke-10 yang menyatakan ketua komuniti (penghulu) ditempatnya bersikap tidak adil dan pilih kasih dalam mengagihkan bantuan dan sumbangan kepada mangsa banjir sehingga ada yang tidak layak menerima bantuan turut diberikan bantuan.

“ Tok penghulu di tempat saya tu pilih kasih sikit.. bila bantuan sampai, dia bagi geng-geng dia ja.. yang baik dengan dia dapat lah habuannya, walaupun hakikatnya tak layak pun dapat bantuan tu.. Dia bukan jaga anak kampung dia..dia cuma jaga orang-orang yang rapat dan sokong dia sahaja. ” (Informan 10)

Ciri pemimpin komuniti yang adil dalam pengagihan bantuan serta mengambil tanggungjawab dalam menjaga kebajikan mangsa banjir dilihat mampu mempengaruhi resiliensi mangsa banjir untuk segera pulih selepas banjir. Walau bagaimanapun, ciri pemimpin seperti bersikap pilih kasih dalam memberikan bantuan, tidak mempedulikan kebajikan mangsa banjir serta mempunyai sentimen parti politik yang tinggi demi kepentingan peribadi dan politik dilihat telah menambahkan lagi bebanan dan masalah kepada informan dan menyukarkan mereka untuk bangkit dan pulih selepas banjir.

Dapatkan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Azman dan Norlina (2016), di mana hasil mendapat majoriti iaitu 52 peratus responden tidak berpuas hati dengan pengurusan sumbangan kepada mangsa banjir disebabkan oleh sikap pilih kasih pemimpim masyarakat, kepentingan politik dan pengurusan yang tidak telus dan tidak sistematik. Menurut George (2003), pemimpin yang bertanggungjawab sering mempraktikkan nilai kejuran, akauntabiliti dan sentiasa proaktif dalam memastikan kebajikan orang bawahan dijaga dengan baik. Kegagalan untuk berbuat demikian hanya akan melemahkan imej seorang pemimpin di mata masyarakat. Ini kerana menurut Maria (2009), kekuatan atau kelemahan masyarakat bergantung kepada peranan seorang pemimpin. Oleh itum kepemimpinan dalam komuniti merupakan faktor penting yang turut mempengaruhi resiliensi informan untuk pulih selepas banjir.

Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap resiliensi informan yang terlibat dalam kajian ini dipengaruhi oleh empat faktor utama iaitu kecekapan kendiri, strategi daya tindak yang digunakan, ciri semangat kemasyarakatan yang wujud di penempatan yang didiami dan sokongan sosial yang disediakan kepada mangsa banjir. Ternyata untuk membantu meningkatkan resiliensi mangsa

banjir, kecekapan kendiri yang sedia ada perlu dipertingkatkan, strategi daya tindak oleh mangsa banjir perlu diperbaiki dan diberi kemahiran yang berkesan di samping semangat kemasyarakatan perlu diperkuuhkan. Akhir sekali seliaan meningkatkan sokongan nyata (material) dan sokongan pertalian sosial antara ahli keluarga dan masyarakat, sokongan emosi dan sokongan maklumat perlu di tambah baik selaras dengan keperluan mangsa banjir bagi membantu mangsa banjir untuk segera pulih selepas banjir.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan kesemua faktor yang mempengaruhi resiliensi mangsa banjir perlu diambil kira oleh agensi yang berkaitan seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Daerah dan Unit Pemulihan Pasca Banjir dalam merangka intervensi khususnya menggalakkan penglibatan ahli komuniti dalam meningkatkan ketahanan kendiri, keluarga dan masyarakat terhadap risiko bencana selaras dengan Rangka Kerja Sendai (2015-2030) yang menekankan kepada peranan masyarakat dalam pengurusan dan pengurangan risiko bencana. Melalui pendekatan ini, ia menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pengurusan bencana terutamanya dalam mengurangi risiko bencana. Ini selari dengan Strategi Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (2003), iaitu membangunkan potensi individu ke tahap optimum serta meningkatkan resiliensi masyarakat dalam menghadapi cabaran semasa dengan membina dan memupuk semangat bantu-membantu demi kesejahteraan masyarakat.

Penghargaan

Penulisan ini adalah sebahagian daripada Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM): Kod geran GGPM-2019-040.

Rujukan

- Azman, A. R., & Norlina Ismail (2016). Persepsi mangsa banjir terhadap pengurusan pengagihan sumbangan bencana banjir. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 8, 21-26. [URL:jfatwa.usim.edu.my/index.php/jurnal/article/download/71/76](http://jfatwa.usim.edu.my/index.php/jurnal/article/download/71/76)
- Bailey, J., Sabbagh, M., Loiselle, C. G., Boileau, J., & McVey, L. (2010). Supporting families in the ICU: A descriptive correlational study of informational support, anxiety, and satisfaction with care. *Intensive and Critical Care Nursing*, 26, 114-122. doi:10.1016/j.iccn.2009.12.006
- Berkman, L. F., Glass, T., Seeman, I., & Brisette, T. E. (2000). From social integration to health: Durkheim in the new millennium. *Social Science and Medicine*, 51, 843–857. doi:10.1016/S0277-9536(00)00065-4
- Bisschop, M.I., Knegsman, D. M. W., Beekman, A.T.F., & Deeg, D.J.H. (2004). Chronic diseases and depression: The modifying role of psychosocial resources. *Social Sciences and Medicine*, 59, 721-733. doi:10.1016/j.socscimed.2003.11.038
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. doi:10.1191/1478088706qp063oa
- Brown, B. B., Perkins, D., & Brown, G. (2003). Place attachment in a revitalizing neighbourhood: Individual and block levels of analysis. *Journal of Environmental Psychology*, 23, 259–71. doi:10.1016/S02724944(02)001172
- Brown, S. P., Westbrook, R. A., & Challagalla, G. (2005). Good Cope, Bad Cope: Adaptive and Maladaptive Coping Strategies Following a Critical Negative Work Event. *Journal of Applied Psychology*, 90(4), 792-798. doi:10.1037/0021-9010.90.4.792
- Burleson, B. R., & MacGeorge, E. L. (2002). Supportive communication. Dalam M. L. Knapp & J. A. Daly (Eds.), *Handbook of Interpersonal Communication* (ms. 317-354). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Carver, C. S., Scheier, M. F., & Weintraub, J. K. (1989). Assessing coping strategies: A theoretically based approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, 56 (2), 267-283. doi:10.1037/0022-3514.56.2.267
- Chaplin, J.P. (2004). *Kamus Lengkap Psikologi*. Jakarta: Raja Grafindo Persada. Faure, S., & Loxton, H. (2003). Anxiety, depression and self-efficacy levels of women undergoing first trimester abortion. *South African Journal of Psychology*, 33, 28-38. doi:10.1177/008124630303300104
- Gelbrich, K. (2010). Anger, frustration, and helplessness after service failure: coping strategies and effective informational support. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 38, 567–585. doi:10.1007/s11747-009-0169-6.
- George, B. (2003). *Authentic leadership: Rediscovering the secrets to creating lasting value*. San Francisco, CA: Jossey- Bass.
- Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan. (2015). Kertas Pembentangan daripada

- Persidangan Pengurusan Bencana Banjir Kelantan 2015: Penyelesaian, Kerangka Kerja dan Pembangunan Lestari.* Kubang Kerian, Kelantan: USM.
- Karademas, E. C. (2006). Self-efficacy, social support and well-being. The mediating role of optimism. *Personality And Individual Differences*, 40, 1281-1290. doi: 10.1016/j.paid.2005.10.019
- Kashdan, T. B., & Roberts, J. E. (2004). Social anxiety's impact on affect, curiosity, and social self-efficacy during a high self-focus social threat situation. *Cognitive Therapy and Research*, 28, 119-141. doi:10.1023/B:COTR.0000016934. 20981.68
- Kuijer, R.G., & de Ridder, D. (2003). Discrepancy in illness-related goals and quality of life in chronically ill patients: the role of self-efficacy. *Psychology and Health*, 18, 313-330.doi:10.1080/088704403100014 6815
- Maria, M. M. (2009, Januari). Teori kepimpinan sifat. *Bina Ekonomi Majalah Ilmiah, Fakultas Ekonomi Unpar*, 13(1), 58-63
- Maruzairi, H., Mohd Zawari, M. N. & Wan Nor Arifin, W. M. (2015). Exploring emotion disasters and resilience in adolescent affected by flood in Kelantan and the development of peer support group for trauma module. *Laporan Akhir Persidangan Kajian Bencana Banjir 2014.* (ms. 244-247): UTM.
- Mendelson, M. B., Catano, V. M., & Kelloway, K. (2000). The role of stress and social support in Sick Building Syndrome. *Work & Stress*, 14, 137–155. doi:10.1080/026783700750051658
- Noremy Md. Akhir, Nur Saadah Mohamad Aun & Nor Jana Saim. 2019a. *Pengurusan Stres. Banjir dan masalah psikologikal: Tangani stres ketika banjir*, 110-121, Penerbit UKM: Bangi, Selangor.
- Noremy Md. Akhir, Mohammad Rahim Kamaluddin, Aizan Sofia Amin, Rusyda Helma Mohd & Nur Hafizah Md Akhir. 2019b. Exploring the coping strategies that improve resiliency among flood victims in Kelantan, Malaysia, *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 8(2S10), 67-73
- Norizan, Y. (2016). Pengurusan elemen psikologikal sebagai persediaan menghadapi bencana: Satu kajian kualitatif terhadap mangsa banjir di Kelantan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (2), 74-81.
- Paton, D. (2005). Community resilience: Integrating hazard management and community Engagement: *International Conference on Engaging Communities*, 14th-17th June 2005. Queensland, Australia.
- Peeters, M. C. W., & Le Blanc, P. M. (2001). Towards a match between job demands and sources of social support: A study among oncology care providers. *European Journal of Work and Organizational Psychology*, 10, 53-72. doi:10.1080/13594320042000034
- Perkins, D. D. & Long, D. A. (2002). Neighbourhood sense of community and social capital : A multi-level analysis. Dalam A. Fisher, C. Sonn, & B. Bishop (Eds.), *Psychological Sense of Community: Research*,

- Applications, and Implications* (ms. 291-316). New York: Plenum.
- Pfefferbaum, R. L. (2013). The communities advancing resilience toolkit (CART): An intervention to build community resilience disasters. *Journal of Public Health Management Practice*, 19(3), 250-258.
doi:10.1097/PHH.0b013e318268ae d8
- Priem, J. S. & Solomon, D. H. (2014). Emotional support and physiological stress recovery: The role of support matching, adequacy, and invisibility. *Communication Monographs*, 82 (1), 88-112.
doi:10.1080/03637751.2014.97141 6
- Rohani, N. (2015, Januari 2). *Buletin Utama TV3* [Siaran Televisyen]. Seri Pentas Bandar Utama, Petaling Jaya Malaysia: Media Prima.
- Rosnah, I., Ferlis, B., Jasmine, A. M., Shuhairimi, A., Mohd Kasturi, N. A., Adila, I. & Siti Zaleha, I. (2015). Intervention guideline and model program for strengthening family community resilience in traumatic loss and major disasters. *Laporan Akhir Persidangan Kajian Bencana Banjir 2014*. ms. 248-251: UTM.
doi: 10.1080/02678370010025568
- Sikh, G. (2015). Refleksi Dari Peristiwa Banjir Di Kelantan. Kertas Pembentangan daripada *Kelantan Mental Health Conferences*. Kota Baharu, Kelantan: Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.
- Siti Uzairiah, M. T. (2016). *Qualitative Research, Interview Analysis & Nvivo11 Exploration*. Kuala Lumpur : Aras Publisher.
- Symister, P., & Friends, R. (2003). The influence of social support and problematic support on optimism and depression in chronic illness: A prospective study evaluating self-esteem as a mediator. *Health Psychology*, 22, 123-129.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, Jabatan Perdana Menteri. (2015). *Kertas Pembentangan daripada Persidangan Pengurusan Bencana Banjir Kelantan 2015: Penyelesaian, Kerangka Kerja dan Pembangunan Lestari*. Kubang Kerian, Kelantan: USM.
- Wan Hassan, W.A, Subramaniam, S., & Yap, K.S. (2012). *Kertas pembentangan Seminar Bencana Alam Dan Perubahan Cuaca di Asia*. Bangi, Selangor: UKM.
- Wan Nik, W. Y. (2015, Jun 30). *Banjir Kelantan 2014: Satu musibah*. Di muat turun pada Januari 2016 daripada pks.kelantan.gov.my/?p=82
- Zainuddin, A. (2012). *Research Methodology and Data Analysis* (2nd ed.). Malaysia: UiTM Press.